



**TEKS UCAPAN**  
**YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI**  
**MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**PROGRAM**  
**MAJLIS PELUNCURAN PROGRAM KASIHNITA**

**LOKASI / TARikh / MASA**  
**HOTEL SHANGRI-LA, KUALA LUMPUR**  
**15 JULAI 2025 (SELASA)**  
**4.00PM**

*Kemas kini 14 Julai 2025*

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

**(SALUTASI)**

**LAMPIRAN SALUTASI DISEDIAKAN**

1. Alhamdullilah, segala puji bagi Allah SWT, kerana dengan limpah kurniaNya kita semua dapat berkumpul di sini dengan satu tujuan yang bermakna – untuk melancarkan **Program Kasihnita** yang dirangka khusus untuk ibu-ibu tunggal di Malaysia.
2. Terlebih dahulu, tahniah diucapkan kepada Jabatan Pembangunan Wanita yang terus gigih melaksanakan program untuk memperkasa wanita di seluruh negara.

## **DASAR WANITA NEGARA 2025-2030**

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

3. Pada 8 Mac 2025, sempena Hari Wanita Antarabangsa, YAB Perdana Menteri telah melancarkan Dasar Wanita Negara dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita 2025–2030. Dasar ini menjadi asas penting dalam memastikan semua wanita—termasuk ibu tunggal—mendapat perhatian dan sokongan sewajarnya.

4. Dengan tema “Memartabat Wanita, Memperkuat Negara,” dasar ini memberi tumpuan kepada usaha menjadikan wanita lebih berani, berdikari, dan dihormati.

## **CABARAN IBU TUNGGAL**

Hadirin yang saya kasihi,

5. Kita semua tahu menjadi ibu tunggal bukan mudah. Ramai yang perlu menjaga anak seorang diri, bekerja siang malam untuk mencari nafkah, dan menghadapi pandangan serong orang lain.

6. Kementerian telah menetapkan beberapa kriteria ibu tunggal:

- **Pertama:** wanita balu, bercerai atau berpisah yang menjadi ketua keluarga dan mempunyai anak belum berkahwin.
- **Kedua:** wanita yang suaminya sakit atau tidak mampu bekerja.
- **Ketiga:** wanita tidak berkahwin tetapi mempunyai anak angkat atau anak tidak sah taraf.

7. Statistik Jabatan Perangkaan menunjukkan bilangan ibu tunggal meningkat daripada 235,000 orang pada tahun 2010 kepada lebih 940,000 pada 2020. Ini bukan hanya angka—ini kisah ribuan wanita tabah yang sentiasa berusaha demi anak-anak.

8. Kajian kami juga mendapati 8 daripada 10 ibu tunggal mengalami masalah kewangan. Selain itu, mereka juga berdepan cabaran kesihatan, keselamatan keluarga, pendidikan, dan tekanan emosi.
9. Ramai berkongsi kisah bagaimana mereka berjuang membesarkan anak sambil menahan sedih di hati. Saya faham, ini bukan beban kecil. Sebab itulah kita semua di sini untuk menyokong.

## **LATAR BELAKANG PROGRAM KASIHNITA**

Puan-puan dan tuan-tuan,

10. Program Kasih Ibu Tunggal mula diperkenalkan pada 2023 sebagai inisiatif membantu ibu tunggal mengukuh kedudukan mereka melalui tiga modul utama: pengetahuan perundangan, pengurusan kewangan dan pembangunan potensi diri.

11. Program Kasih Ibu Tunggal bermula pada tahun 2023. Ia memberi latihan perundangan, pengurusan kewangan, dan pembangunan diri.
12. Ramai peserta berjaya menuntut hak di mahkamah, mendapatkan nafkah anak, dan meningkatkan pendapatan—ada yang sampai lima kali ganda.

13. Melihat kejayaan itu, pada tahun 2024 program ini diperluaskan ke Sarawak. Alhamdulillah, ia memberi manfaat kepada ramai ibu tunggal yang lebih yakin memperjuangkan masa depan.
14. Tahun ini, YAB Perdana Menteri meluluskan RM1.6 juta untuk memastikan lebih ramai dapat menyertai.

15. Sasaran kita ialah 1,500 peserta di enam zon utama—dari Perlis hingga Sabah. Semua ibu tunggal dialu-alukan tanpa mengira latar belakang.
16. Modul bantuan guaman akan ditambah baik. Panel peguam akan membantu ibu tunggal berpendapatan rendah dalam menuntut hak di mahkamah.

17. Kita juga menjenamakan semula program ini sebagai **KasihnITa**—lambang kasih sayang, kekuatan dan harapan bersama.
18. **KasihnITa** akan berlangsung Ogos hingga Disember 2025, dengan kerjasama Persatuan Peguam Syarie Malaysia, AKPK dan pakar psikologi.
19. Pendaftaran telah dibuka sejak 16 Mei dan akan ditutup pada 31 Julai 2025. Saya mengajak semua ibu tunggal untuk segera mendaftar.

## **HARAPAN & PENUTUP**

20. Program KasihnITa bukan kursus sehari dua. Ini adalah perjalanan beberapa bulan yang akan membina keyakinan, ilmu dan kekuatan dalaman.
21. Latihan kewangan akan membantu puan-puan mengurus pendapatan keluarga. Modul bantuan guaman akan memastikan hak lebih terjamin. Sesi kaunseling pula akan

membantu menguatkan emosi. Kita juga mahu ibu tunggal menjadi inspirasi kepada komuniti.

22. Kerajaan MADANI mahu melihat wanita bukan hanya mampu bertahan tetapi berjaya. Kita mahu ibu tunggal berdiri yakin sebagai penyumbang penting ekonomi keluarga dan negara.
23. Saya sedar cabaran ini berat. Namun saya percaya, ketabahan hati ibu tunggal akan terus menjadi kekuatan besar kepada Malaysia.

24. Akhir kata, kepada semua ibu tunggal, saya ingin berkata—ambil peluang ini. Sertailah KasihnITa bukan untuk meminta simpati, tetapi untuk membina masa depan yang lebih cerah untuk diri dan anak-anak.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan penuh semangat merasmikan Program KasihnITa 2025. Bersama-sama kita *Memartabat Wanita, Memperkukuh Negara*.

Sekian, Wabillahi taufiq walhidayah

Wassalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh.

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI  
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat  
15 Julai 2025**